

PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: PENGARAH (CHINA)
Tier	: 4
Pusat Tanggungjawab	: Institut Kong Zi, Universiti Malaya
Portfolio	: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Elaun Khas Pentadbiran	: RM900.00
Tempoh Pelantikan	: Satu (1) hingga tiga (3) tahun, tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Universiti Malaya
Gred Permohonan	: Gred 12 dan ke atas

2. SKOP TUGAS

MELAPOR KEPADA :

- (1) Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya
- (2) Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- (3) Penolong Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Sebagai **Pengarah (China), Institut Kong Zi**, tuan/puan adalah dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana dinyatakan dalam Subseksyen 12(3) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 termasuklah:

- (1) Pengurusan hal pentadbiran Institut Kong Zi bagi membolehkan fungsi yang ditetapkan dijalankan dengan cekap dan berkesan;
 - (a) Menyediakan laporan tahunan mengenai aktiviti Institut Kong Zi kepada BFSU dan CLEC.
 - (b) Merancang, mengurus dan memantau urusan pentadbiran Institut Kong Zi.
 - (c) Menguruskan dan memantau permohonan biasiswa yang dimohon oleh warga tempatan untuk melanjutkan pelajaran ke China.
 - (d) Mengurus dan memantau urusan pentadbiran Peperiksaan HSK dan menyediakan laporan kepada pihak *Chinese Testing International*.
- (2) Pengurusan permohonan guru Bahasa China dengan pihak BFSU dan CLEC bagi memastikan perkhidmatan Institut dapat dilaksanakan dengan baik;
 - (a) Membuat perancangan permohonan guru bahasa professional, guru bahasa sukarela dan guru bahasa tempatan dengan BFSU dan CLEC;

**PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

- (b) Memantau urusan permohonan guru bahasa Professional, guru Bahasa sukarela dan guru bahasa tempatan dengan pihak BFSU dan CLEC;
- (3) Pengurusan dan pemantauan kualiti pengajaran Bahasa Mandarin bagi memastikan Institut dapat menjalankan fungsi dengan baik;
 - (a) Memantau kualiti pengajaran oleh guru-guru Bahasa
 - (b) Memantau dan menyelia silibus Bahasa
 - (c) Memberi khidmat nasihat kepada pemegang taruh mengenai perkhidmatan yang melibatkan pengajaran bahasa mandarin dan kebudayaan China
- (4) Pengurusan dan pemantauan kewangan yang melibatkan peruntukan dari Ibu Pejabat *Confucius Institute*;
 - (a) Membuat perancangan program tahunan dan memohon peruntukan dengan pihak China.
 - (b) Memantau urusan perbelanjaan dan penggunaan peruntukan yang diluluskan oleh Pihak China
 - (c) Menyediakan laporan kewangan peruntukan China kepada BFSU dan CLEC.
- (5) Pelaksanaan kepada program Kebudayaan atau program seperti webinar, forum atau pameran dan bagi memastikan institut menjalankan fungsi dengan baik;
 - (a) Mengenalpasti rakan kolaborasi dan menjadi perantara antara Institut Kong Zi dengan rakan kolaborasi dari China.
 - (b) Mengenalpasti pakar akademik dan bukan akademik dari China yang bersesuaian dengan program yang akan dilaksanakan.

3. CARA PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

- (1) Mengisi *Leadership Curriculum Vitae* (Seperti format di lampiran); dan
- (2) Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan **Pengarah (China), Institut Kong Zi** yang diiklankan (dalam format PDF; maksimum 5 muka surat). Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpandukan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan.

**PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

Permohonan yang lengkap (*hard/soft copy*) hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pn. Rumiza Ahmad

Pengarah

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my

Tarikh tutup permohonan: 22 Ogos 2025 (Jumaat) Jam 5.00 petang

4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my